

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUPAN SEMINAR KEBANGSAAN 'KE ARAH KESEDIAAN Y2K SEKTOR AWAM'
Lokasi : KUALA LUMPUR
Tarikh : 17-09-1999

As'salamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terima kasih kepada MAMPU dan Jabatan-jabatan berkenaan yang telah menganjur seminar ini bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang Y2K.

2. Kita hanya tinggal 105 hari sahaja lagi sebelum kita melangkah ke alaf baru. Bagi tuan-tuan dan puan-puan yang berada di dalam dewan ini, saya percaya tarikh 1 Januari 2000 dinantikan dengan penuh debaran.

Debaran kerana inilah detiknya segala usaha yang telah tuan-tuan dan puan-puan jalankan selama ini untuk mengatasi masalah yang dikaitkan dengan tahun 2000 ini akan menghadapi ujian paling getir. Saya juga percaya masa yang semakin singkat ini dirasakan amat cepat berlalu.

3. Namun, saya berharap kita akan dapat menanam satu perasaan terbuka dan yakin terhadap usaha-usaha yang telah kita jalankan. Seharusnya inisiatif-inisiatif pembaikpulihan masalah Y2K yang telah giat dilaksanakan selama akan membuahkan kejayaan dalam memastikan impak negatif rollover ke tahun 2000 berada di tahap minimum.

4. Dalam usaha kita untuk membendung masalah Y2K ini, berbagai usaha telah dijalankan iaitu dari pembaikpulihan lines of codes kepada penggantian baru sistem-sistem dan peralatan-peralatan yang terlibat.

Di sektor Kerajaan sahaja, kita telah setakat ini membelanjakan sebanyak hampir RM 400 juta dari peruntukan yang disediakan untuk menangani masalah Y2K. Jumlah muktamad yang akan dibelanjakan berkemungkinan akan melebihi amaun ini sekiranya diambil kira usaha-usaha pemulihan (atau post-2000 remediation and recovery) yang perlu dilaksanakan selepas tarikh rollover tahun 2000 bagi sistem-sistem yang gagal atau mengalami kerosakan akibat Y2K.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dari segi langkah persediaan seterusnya, kita kini telah memasuki fasa penyediaan pelan kontingensi Y2K.

Sektor Kerajaan, seperti juga sektor-sektor lain yang terletak di bawah pemantauan Pasukan Petugas Y2K Negara, telahpun menyediakan satu Pelan Kontingensi Sektor yang mencantumkan pelan kontingensi agensi- agensi kritikal dalam sektor Kerajaan.

6. Penyediaan pelan tersebut amat penting kerana kita menyedari usaha-usaha pembaikpulihan tidak akan dapat menjamin seratus peratus kesediaan kita untuk menghadapi masalah Y2K. Tindakan yang kita ambil untuk menyediakan pelan kontingensi ini adalah sebagai melengkapkan usaha-usaha pembaikpulihan yang telah dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan. Ia bertujuan memastikan perkhidmatan-perkhidmatan kritikal sektor Kerajaan akan dapat terus disediakan walaupun berlaku keadaan yang di luar jangkaan kita menjelang tahun 2000 nanti. Oleh itu, pelan ini adalah integral kepada persediaan kita untuk menghadapi Y2K.

7. Sehubungan ini, saya berharap agar usaha penyediaan pelan kontingensi diberi penekanan yang sama berat dengan kerja-kerja pembaikpulihan. Memang kita akui sukar untuk menyediakan pelan kontingensi bagi setiap proses yang terdapat di dalam sesuatu jabatan. Pelan yang telah disarankan penyediaannya hendaklah merangkumi perkhidmatan yang kritikal di mana sebarang bentuk gangguan akan memberi impak yang besar ke atas kepentingan pelanggan. Pelan yang disediakan hendaklah hasil

dari pemikiran dan perancangan yang teliti serta yang boleh difahami oleh semua pihak yang akan terlibat dengan pelaksanaannya kelak. Pelan yang terperinci pun tidak berguna jika ianya tidak boleh difahami dan dengan itu tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

8. Dalam hal ini, langkah-langkah harus diambil bagi memastikan setiap kakitangan yang akan terlibat mendapat penerangan yang secukupnya supaya jika dan apabila tiba masanya pelan kontingensi ini perlu diaktifkan, ianya dapat dilakukan dengan lancar dan dalam masa peralihan yang minimum. Oleh yang demikian, aspek latihan dan raptai perlulah diberi lebih tumpuan mulai sekarang. Selain itu, arahan-arahan yang mencukupi, terperinci, jelas dan tepat perlu juga disediakan dibangunkan segera supaya tidak timbul ruang untuk kekaburan atau kekeliruan yang boleh mengakibatkan berlakunya kesilapan yang mungkin akan memburukkan lagi keadaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Selama dua hari berlangsungnya Seminar 'Ke Arah Kesediaan Y2K Sektor Awam' ini, kita telah mendapat berbagai maklumat terkini mengenai kemajuan pelaksanaan usaha-usaha ke arah mencapai tahap kesediaan Y2K oleh agensi-agensi Kerajaan. Kita juga telah mendengar mengenai persediaan yang serupa yang sedang giat dijalankan oleh sektor-sektor lain yang sama-sama terlibat dalam mengambil langkah pembaikpulihan bagi menghadapi masalah Y2K ini.

10. Di sini, saya amat berbesar hati dengan laporan bahawa kebanyakan agensi-agensi di sektor-sektor yang dikenalpasti sebagai kritikal telah bersedia atau akan mencapai tahap kesediaan Y2K sebelum menjelangnya tahun baru ini. Ini penting kerana kebanyakan sektor-sektor ini adalah saling bergantung di antara satu sama lain, di mana sebarang bentuk kegagalan di satu sektor mungkin akan memberi impak yang besar ke atas sektor lain. Sektor Kerajaan khususnya amat bergantung kepada sektor-sektor seperti tenaga dan telekomunikasi bagi memastikan perkhidmatan yang kita sediakan dapat berjalan licin sebagaimana kebiasaannya. Dalam hal ini, jalinan komunikasi melalui saluran Pasukan Petugas Y2K Negara yang telah diwujudkan di Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia perlu dikekalkan bagi memastikan aliran maklumat di antara sektor sentiasa berlaku.

11. Selain dari itu lain-lain program komunikasi dan perhubungan awam perlulah dilaksanakan seperti:-

(a) mengadakan seminar mengenai kesediaan Y2K di peringkat negeri iaitu Negeri Sabah, Sarawak dan di peringkat wilayah melibatkan wilayah utara, selatan, timur dan tengah yang dijangka akan diadakan di antara bulan Oktober - November 1999;

(b) Temuramah dengan pihak press, radio dan TV oleh Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan;

(c) Memuatkan berita dan maklumat mengenai Y2K sektor awam setiap minggu di akhbar-akhbar tempatan berbahasa Malaysia, Inggeris, China dan Tamil;

(d) mengedarkan maklumat-maklumat melalui flyers dan risalah-risalah;

(e) Kempen-kempen Y2K seperti penggunaan lencana Y2K, poster-poster dan sebagainya; serta

(f) Memaklumkan mengenai status kesediaan Y2K melalui Internet atau web page di jabatan masing-masing.

12. Akhir kata, saya juga ingin menekankan walaupun tiada siapa dapat menyatakan dengan pastinya tarikh kemasukan ke tahun 2000 ini tidak akan menghadapi sebarang gangguan, namun saya percaya dengan persiapan yang rapi kita boleh memasuki tahun baru ini dengan yakin. Pengalaman "non-event" semasa Global Positioning Satellite (GPS) rollover pada 21 Ogos 1999 dan ketibaan tarikh 9 September 1999 baru-baru ini yang diramalkan akan mengakibatkan kegagalan komputer dan beberapa sistem berkaitan menunjukkan betapa persediaan yang rapi dapat mengurangkan impak masalah yang telah dijangkakan itu. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama juga saya tidak mahu kita menjadi terlalu complacent. Sebaliknya usaha-usaha pembaikpulihan dan persediaan perlu diteruskan dan maklumat

dikongsi bersama supaya rollover ke tahun 2000 berjalan selicin dan selancar yang mungkin dan kita dapat meneruskan tugas-tugas kita untuk menghadapi cabaran-cabaran seterusnya.

13. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Seminar Kebangsaan `Ke Arah Kesediaan Y2K Sektor Awam` ini.

Terima kasih.